

## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to apply for Cash Plus Personal Loan ("Facility"). Be sure to also read the Terms and Conditions of the Facility. Seek clarification from your institution if you do not understand any part of this document or the general terms.

**CIMB Bank Berhad**  
**Cash Plus Personal Loan**

Date : \_\_\_\_\_

### 1. What is this product about?

This is an unsecured personal loan which is calculated on fixed rate interest. One of the benefits of this Facility is that in the event of your death before the end of the financing tenure, the Bank shall waive your obligation to repay monies owing by you to the Bank under this Facility up to a maximum of Ringgit Malaysia Twenty Five Thousand (RM25,000) only. Any balance monies owing after the said waiver by the Bank shall remain due and owing by you to the Bank. The Facility shall first be used to fully settle any of your existing Cash Plus Personal Loan with the Bank and the Cash Plus Personal Financing-i with CIMB Islamic Bank Berhad before the balance of the Facility (if any) is disbursed to you.

### 2. What do I get from this product?

Total amount borrowed : RM \_\_\_\_\_  
Tenure (months) : \_\_\_\_\_

#### Effective Lending Rate :

Employment Type	Loan Amount (RM)	Effective Lending Rate (Fixed Rate, Reducing Balance, Daily Rest)	Fixed Interest Rate
Salaried	50k to 100k	14.50% p.a.	8.20% p.a.
	20k to <50k	18.62% p.a.	10.88% p.a.
	2k to <20k	24.00% p.a.	14.66% p.a.
Self Employed	2k to 100k	24.00% p.a.	14.66% p.a.

### 3. What are my obligations?

Your monthly instalment : RM \_\_\_\_\_  
Total repayment amount at the end of tenure : RM \_\_\_\_\_  
Total interest cost at the end of tenure : RM \_\_\_\_\_

### 4. What other charges do I have to pay?

NIL.

### 5. What if I fail to fulfill my obligations?

- Default interest at the rate of one per centum (1.0% p.a.) per annum on the total amount in arrears from the due date to the date of full repayment will be charged.
- We may set-off any credit balance in account maintained with us against any outstanding balance in this loan account.
- Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices.
- Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.

### 6. What if I fully or partly settle the loan before the end of the financing tenure?

- You may fully settle or partly settle your loan before the end of the financing tenure by giving the Bank one (1) month prior notice in writing.
- Early settlement will not be subjected to any early settlement fee.

### 7. Do I need a guarantor or collateral?

No collateral or guarantor is needed.

### 8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you promptly inform us of any changes to your contact details to ensure that all current correspondences reach you in a timely manner.

### 9. Where can I get assistance and redress?

If you have difficulties in making repayments, you should contact us earliest possible to discuss repayment alternatives.

You may contact us at :

#### CIMB Bank Berhad - Customer Resolution Unit

Level 19 Menara Bumiputera Commerce,  
No.11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Tel : +603 6204 7788

Fax : +603 2691 3248

E-mail : cru@cimb.com

Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact **AKPK** at :

Tingkat 8, Maju Junction Mall,

1001, Jalan Sultan Ismail,

50250 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2616 7766

E-mail : enquiry@akpk.org.my

If you wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at :

#### CIMB Bank Berhad - Customer Resolution Unit

Level 19 Menara Bumiputera Commerce,  
No.11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Tel : +603 6204 7788

Fax : +603 2691 3248

E-mail : cru@cimb.com

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact **Bank Negara Malaysia LINK** or **TELELINK** at :

Block D, Bank Negara Malaysia,

Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel : 1 300 88 5465

Fax : +603 2174 1515

E-mail : bnmteleshop@bnm.gov.my

### 10. Other personal loan packages available:

None.

**IMPORTANT NOTE: LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP REPAYMENTS ON YOUR PERSONAL LOAN.**

## LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

Baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon Pinjaman Peribadi 'Cash Plus' ("Kemudahan"). Sila pastikan anda juga membaca Terma-terma & Syarat-syarat Kemudahan. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi anda sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma am.

**CIMB Bank Berhad**  
**Pinjaman Peribadi Cash Plus**

Tarikh : \_\_\_\_\_

### 1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah pinjaman peribadi tanpa cagaran yang dikira berdasarkan faedah kadar tetap. Salah satu daripada manfaat Kemudahan ini adalah jika anda meninggal dunia sebelum tamat tempoh pembiayaan, Bank hendaklah menyetepikan tanggungjawab anda untuk membayar balik wang yang dihutang oleh anda kepada Bank di bawah Kemudahan ini sehingga maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000) sahaja. Sebarang baki wang yang dihutang selepas peneptian tersebut oleh Bank tetap kena dibayar dan terhutang oleh anda kepada Bank. Kemudahan ini hendaklah terlebih dahulu digunakan untuk menyelesaikan dengan sepenuhnya sebarang Pinjaman Peribadi 'Cash Plus' anda yang sedia ada dengan Bank dan Pembiayaan Peribadi Cash Plus-i anda yang sedia ada dengan CIMB Islamic Bank Berhad sebelum baki Kemudahan (jika ada) dilepaskan kepada anda.

### 2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

Jumlah penuh yang dipinjam : RM \_\_\_\_\_  
Tempoh Pembiayaan (bulan) : \_\_\_\_\_

#### Kadar Pinjaman Efektif :

Jenis Pekerjaan	Jumlah Pinjaman (RM)	Kadar Pinjaman Efektif (Kadar Tetap, Baki Berkurangan, Kadar Harian)	Kadar Faedah Tetap
Bergaji	50k hingga 100k	14.50% setahun	8.20% setahun
	20k hingga <50k	18.62% setahun	10.88% setahun
	2k hingga <20k	24.00% setahun	14.66% setahun
Bekerja Sendiri	2k hingga 100k	24.00% setahun	14.66% setahun

### 3. Apakah tanggungjawab saya?

Ansuran bulanan anda : RM \_\_\_\_\_  
Jumlah amaun pembayaran balik pada akhir tempoh pembiayaan : RM \_\_\_\_\_  
Jumlah kos faedah pada akhir tempoh pembiayaan : RM \_\_\_\_\_

### 4. Apakah caj lain yang perlu saya bayar?

TIADA.

### 5. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

- Faedah ingkar sebanyak 1% setahun atas jumlah amaun tertunggak yang dikira dari tarikh lampau tempoh sehingga tarikh penyelesaian penuh akan dikenakan.
- Kami boleh menolak sebarang baki kredit dalam akaun yang dipegang dengan kami terhadap sebarang baki belum dijelaskan dalam akaun pinjaman ini.
- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda tidak membalas notis peringatan.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda, dan menyebabkan anda sukar mendapatkan pinjaman atau pinjaman diberikan pada kadar lebih tinggi.

### 6. Bagaimana jika saya menjelaskan sebahagian atau sepenuhnya pinjaman sebelum tamat tempoh pembiayaan?

- Anda boleh menjelaskan sepenuhnya atau sebahagian pinjaman anda sebelum tamat tempoh pembiayaan dengan memberikan kepada Bank satu (1) bulan notis bertulis terdahulu.
- Penyelesaian awal tidak akan tertakluk kepada sebarang fi penyelesaian.

### 7. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Cagaran atau penjamin tidak diperlukan.

### 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai butiran perhubungan saya?

Anda harus memberitahu kami dengan segera mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.

### 9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat dan bantuan lanjut?

Jika anda mengalami masalah membuat pembayaran balik, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan alternatif bagi pembayaran balik.

Anda boleh menghubungi kami di :

#### CIMB Bank Berhad - Customer Resolution Unit

Level 19 Menara Bumiputera Commerce,  
No.11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Tel : +603 6204 7788

Faks : +603 2691 3248

E-mel : cru@cimb.com

Secara alternatif, anda boleh meminta perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi **AKPK** di :

Tingkat 8, Maju Junction Mall,

1001, Jalan Sultan Ismail,

50250 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2616 7766

E-mel : enquiry@akpk.org.my

Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di :

#### CIMB Bank Berhad - Customer Resolution Unit

Level 19 Menara Bumiputera Commerce,  
No.11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Tel : +603 6204 7788

Faks : +603 2691 3248

E-mel : cru@cimb.com

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami dengan memuaskan, anda boleh menghubungi **Bank Negara Malaysia LINK** atau **TELELINK** di :

Block D, Bank Negara Malaysia,

Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel : 1 300 88 5465

Faks : +603 2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

### 10. Pakej pinjaman peribadi lain yang disediakan:

Tiada.

**NOTA PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN PERIBADI ANDA.**